



LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2009



BIRO PENGADUAN AWAM
PUBLIC COMPLAINTS BUREAU

Sedia Membantu - Ready to Serve





Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan
People First, Performance Now



“Kuasa merupakan satu kaedah untuk mencapai matlamat akhir, bagi saya, matlamat akhir adalah berkhidmat kepada rakyat dan negara”

YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
(New Straits Times, 21 Mei 2009)

“Power is only a means to an end but to me the end is about serving the people and the nation”

*YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
(New Straits Times, 21 May 2009)*



KANDUNGAN CONTENTS

Perutusan *Foreword*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri <i>Minister in the Prime Minister's Department</i>	4 - 5
Ketua Setiausaha Negara <i>Chief Secretary to the Government of Malaysia</i>	8 - 9
Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam <i>Director-General of Public Complaints Bureau</i>	12 - 13
Lembaga Penasihat Biro Pengaduan Awam <i>Public Complaints Bureau Advisory Board</i>	15 - 17
Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam <i>Permanent Committee on Public Complaints</i>	18 - 21



Maklumat Korporat *Corporate Information*

Pengurusan Tertinggi <i>Top Management</i>	25 - 27
Pengarah Negeri <i>State Directors</i>	28 - 29
BPA Selayang Pandang <i>PCB at a Glance</i>	30 - 32
Dasar Kualiti, Visi dan Misi <i>Quality Policy, Vision and Mission</i>	33
Objektif <i>Objectives</i>	34
Piagam Pelanggan <i>Clients' Charter</i>	35
Kod Etika <i>Code of Ethics</i>	36
Carta Organisasi <i>Organisational Chart</i>	37

KANDUNGAN CONTENTS

Ikhtisar Prestasi

Summary of Achievements

Program Aduan Awam <i>Public Complaints Programme</i>	40
Program Pengurusan <i>Management Programme</i>	41

Pengurusan Aduan

Complaints Management

Pengurusan Aduan Awam <i>Public Complaints Management</i>	44 - 45
Pelaporan dan Analisis Aduan <i>Complaints Report and Analysis</i>	46 - 59
Penyelesaian Aduan <i>Complaints Resolution</i>	60 - 64
Saluran Aduan <i>Complaints Channel</i>	65 - 67
Program Proaktif <i>Proactive Programme</i>	68 - 76
Kategori Aduan <i>Complaints Category</i>	77 - 87
Sektor Aduan <i>Complaints Sector</i>	88 - 89
Profil Pengadu <i>Complainants' Profile</i>	90 - 91
Contoh Kes <i>Example of Cases</i>	92 - 96
Maklum Balas Pelanggan <i>Customers' Feedback</i>	97 - 98
Surat Penghargaan <i>Letters of Appreciation</i>	100 - 103
Seminar Pengurusan Aduan Awam <i>Public Complaints Management Seminar</i>	104
Kajian Semula Pengurusan <i>Management Retreat</i>	105
Pemantauan Media <i>Media Monitoring</i>	106
Pemantauan Aduan Yang Kementerian Terima <i>Monitoring of Complaints Received by Ministries</i>	107





KANDUNGAN CONTENTS

Rangkaian Kerjasama Strategik <i>Strategic Networking</i>	108 - 110
--	-----------

Lawatan dari Agensi Luar Negara <i>Visits from Foreign Agencies</i>	111
--	-----

Maklumat Pengurusan *Management Information*

Bahagian Khidmat Pengurusan *Management Services Division*

Prestasi Kewangan <i>Financial Performance</i>	114
---	-----

Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan <i>Human Capital Management and Development</i>	115
---	-----

Majlis Bersama Jabatan <i>Department Joint Council</i>	116
---	-----

Pembangunan Modal Insan <i>Human Capital Development</i>	117
---	-----

Dasar Latihan <i>Training Policy</i>	118
---	-----

Senarai Kursus <i>List of Courses</i>	119 - 122
--	-----------

Inovasi Teknologi Maklumat <i>Information Technology Innovation</i>	123 - 124
--	-----------

BPA Bersama Media <i>PCB with the Media</i>	125
--	-----

BPA dari Jendela Akhbar <i>PCB in the News</i>	128
---	-----

Imbasan *Retrospective*

Perhimpunan Bulanan <i>Monthly Assembly</i>	130
--	-----

Lawatan <i>Visits</i>	131
--------------------------	-----

Peristiwa Penting <i>Key Events</i>	132 - 136
--	-----------

PUSPANITA Cawangan Kecil BPA <i>PUSPANITA PCB Sub-Branch</i>	137 - 139
---	-----------

Kelab Sukan dan Kebajikan BPA <i>PCB Sports and Welfare Club</i>	140 - 141
---	-----------

Statistik <i>Statistics</i>	142 - 170
--------------------------------	-----------

Maklumat Pejabat BPA <i>Information on PCB Offices</i>	171
---	-----

Semasa Pelancaran Penubuhan BPA Pada 23 Julai 1971
During the Launching of the Establishment of PCB on 23 July 1971



Adalah ditegaskan bahawa tiap-tiap aduan yang diterima oleh Biro ini akan diberi pertimbangan dengan teliti. Sudah tentulah Biro ini hanya akan mengambil tindakan atas aduan-aduan yang tulen. Pegawai-pegawai Biro ini akan memeriksa tiap-tiap aduan itu dengan teliti sebelum mengambil keputusan sama ada sesuatu aduan itu berkehendakkan tindakan untuk mengasingkan aduan-aduan yang bersungguh-sungguh daripada aduan-aduan yang main-main.

Orang ramai dipersilakan menggunakan kemudahan-kemudahan Biro ini dengan sepenuhnya.

It is emphasised that every complaint received by the Bureau will be given due consideration. Certainly, the Bureau will take action on genuine complaints. Bureau officers will examine carefully every complaint before deciding whether a complaint needed action and to sort out genuine complaints from non-genuine complaints.

Members of the public are invited to fully utilise the facilities of the Bureau.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein
Perdana Menteri Malaysia/*Prime Minister of Malaysia*
(1971-1976)



“Aduan-aduan hendaklah dianggap sebagai satu nikmat oleh para penjawat awam oleh kerana ianya memberi peluang untuk agensi yang berkenaan untuk mendapat maklum balas daripada para pelanggan kita, iaitu rakyat Malaysia, dan menilai keberkesanan penyampaian perkhidmatan kita”

Complaints should be seen as blessings by civil servants because they provide the opportunity for the agency concerned to get feedback from our clients, the Malaysian people, and to assess the effectiveness of our service delivery”

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

Menteri di Jabatan Perdana Menteri/Minister in the Prime Minister's Department



TAN SRI DR. KOH TSU KOON

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Perpaduan Nasional dan Pengurusan Prestasi

*Minister in the Prime Minister's Department
National Unity and Performance Management*

PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) kerana berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2009. Tahun 2009 adalah istimewa kerana ianya merupakan tahun di mana kerajaan meningkatkan lagi usaha untuk mendorong penyampaian perkhidmatan mengikut komitmen, “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,” di bawah Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Dato’ Sri Najib Tun Razak sebaik sahaja beliau mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri pada bulan April 2009. Laporan Tahunan BPA ini merumuskan usaha yang dibuat oleh BPA dan agensi-agensi lain untuk meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Dipandu oleh prinsip, “Rakyat Didahulukan,” kerajaan sememangnya adalah komited sepenuhnya dan amat serius terhadap usaha kita bersama untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi, serta mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Tahun 2009 menampilkan penglibatan secara lebih gigih dan intensif oleh para pegawai utama dari pelbagai kementerian dalam mengenal pasti dan menggubal rancangan penyampaian (delivery plans) untuk enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau “National Key Results Areas” (NKRAs) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian atau “Ministerial Key Results Areas” (MKRAs) melalui penggunaan kaedah pengurusan pencapaian yang baru dan berkesan dalam bentuk makmal dan Petunjuk Prestasi Utama atau “Key Performance Indicators” (KPIs). Kesemua NKRA dan MKRA telah dikumpulkan menjadi Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang disasarkan untuk dilancarkan pada bulan Januari 2010. Agensi-agensi kerajaan dijangka akan mengalih arus secara rapat dengan inisiatif-inisiatif baru ini dengan menukar cara memikir dan cara bekerja. Ketua-ketua agensi juga disarankan agar menanam minda baru di kalangan anggota-anggota agensi masing-masing untuk menghasilkan satu anjakan paradigma baru dalam perkhidmatan awam pada keseluruhannya.

Dalam konteks ini, pengurusan pengaduan awam sememangnya telah menjadi lebih relevan dan mencabar lagi. Aduan-aduan hendaklah dianggap sebagai satu nikmat oleh para penjawat awam oleh kerana ianya memberi peluang untuk agensi yang berkenaan untuk mendapat maklum balas daripada para pelanggan kita, iaitu rakyat Malaysia, dan menilai keberkesanan penyampaian perkhidmatan kita. Melalui pengurusan aduan secara efektif dan mesra, agensi-agensi kerajaan akan dapat menambah baik penyampaian perkhidmatan dan dengan demikian meningkatkan pencapaian KPI untuk setiap KRA. Ianya juga akan meningkatkan lagi imej perkhidmatan awam dalam persepsi rakyat yang menjadi sekian kritikal dan tegas oleh kerana mereka mahukan yang terbaik.

Oleh itu, peranan dan tanggungjawab BPA telah menjadi semakin penting semasa tahun 2009 dan akan menjadi lebih penting lagi pada tahun-tahun yang akan datang. BPA telah dan sedang beralih menjangkau menerima dan menyelesaikan aduan-aduan ke tahap analisa masalah-masalah pengurusan secara kritikal untuk mendapat input yang berkenaan bagi tujuan mengkaji semula dasar, prosedur dan amalan, selaras dengan komitmen “Pencapaian Diutamakan” untuk “Rakyat Didahulukan.”

Untuk menjadi lebih bersedia untuk cabaran yang lebih besar ini, BPA dalam tahun 2009 telah mengadakan beberapa seminar dan bengkel untuk memperkasakan lagi perspektif dan kemampuan kakitangan kami, manakala Program Menyelesaikan Aduan Segera Bersama Timbalan Menteri telah dilancarkan sebagai satu pendekatan mesra rakyat di akar umbi untuk mendapat maklum balas secara bersemuka. BPA adalah komited sepenuhnya untuk memainkan peranan yang positif bagi menjamin kejayaan PTK dan Gagasan 1Malaysia.



TAN SRI DR. KOH TSU KOON

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Perpaduan Nasional dan Pengurusan Prestasi



MESSAGE FROM MINISTER IN THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

Warmest Greetings and Salam 1 Malaysia.

First of all, I would like to thank and congratulate the Public Complaints Bureau (PCB) for successfully publishing its 2009 Annual Report. 2009 was special because it was the year the government further stepped up efforts to drive the delivery of services in accordance with our commitment, "People First, Performance Now," under the 1Malaysia Spirit inspired by YAB Dato' Sri Najib Tun Razak after he assumed office as the Prime Minister in April 2009. This report summarises the efforts made by the PCB and the various agencies in 2009 to improve the quality of public service delivery.

Guided by the principle of "People First," the government is indeed totally committed and very serious about our concerted efforts to generate economic growth, to improve the quality of life and well being of the people. 2009 saw the intense and intensive involvement of key officers from various ministries in identifying and formulating delivery plans for six (6) National Key Results Areas (NKRAs) and Ministerial Key Results Areas (MKRAs), by using the new and effective performance management methodology of "Labs" and Key Performance Indicators (KPIs).

By the end of 2009, these NKRAs and MKRAs were then compiled into the Government Transformation Plan (GTP) which was targeted for launching in January 2010. Government agencies are expected to align themselves closely with these new initiatives by changing the way of thinking as well as the way of working. Heads of Agencies are expected to inculcate a "new mindset" among members of their respective services to bring about a new paradigm shift in the entire public service.

In this context, the management of public complaints has become even more relevant and challenging. Complaints should be seen as blessings by civil servants because they provide the opportunity for the agency concerned to get feedback from our clients, the Malaysian people, and to assess the effectiveness of our service delivery. Through effective and courteous management of complaints, government agencies can improve on their service delivery and hence the achievement of KPIs for each KRA. It will also enhance the image of the public service among the people who have now become more critical and assertive, and expect the best.

Therefore, the role and responsibility of the PCB have become increasingly more significant during 2009 and will be even more so in the coming years. The PCB has moved beyond receiving and resolving complaints to the critical analysis of management problems to provide useful inputs for review of policies, procedures and practices, in line with the commitment to "Performance Now" for "People First."

To be better prepared for this greater challenge, the PCB has, in 2009, carried out a number of seminars and workshops to further enhance our staff's perspective and capability, while the Instant Problem Solving Programme (IPSP) with the Deputy Minister was launched as a people-friendly approach on the ground to get direct face-to-face feedback. The PCB is fully committed to play its positive role in ensuring the success of the GTP and the 1Malaysia Concept.



TAN SRI DR. KOH TSU KOON

Minister in the Prime Minister's Department

National Unity and Performance Management



“Rakyat merupakan pelanggan utama dalam perkhidmatan awam. Justeru, semua agensi kerajaan perlu berusaha untuk memastikan para pelanggan berpuas hati dan gembira dengan perkhidmatan yang ditawarkan”

“In the civil service, the citizens are our main customers. Therefore, all government agencies should strive to ensure each and every customer is satisfied and delighted with the services provided”

Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan

Ketua Setiausaha Negara/*Chief Secretary to the Government of Malaysia*



TAN SRI MOHD SIDEK BIN HASSAN

Ketua Setiausaha Negara

Chief Secretary to the Government of Malaysia

KATA-KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

Rakyat merupakan pelanggan utama dalam perkhidmatan awam. Justeru, semua agensi kerajaan perlu berusaha untuk memastikan para pelanggan berpuas hati dan gembira dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Ia bukan tugas yang mudah serta memerlukan kreativiti dan inovasi yang berterusan untuk membolehkan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan pantas, tepat, mesra dan ditambah baik secara berterusan.

Demi memastikan kejayaan gagasan “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, semua penjawat awam perlu mengambil langkah proaktif dan membudayakan amalan kerja cemerlang. Sikap pasif dan reaktif tidak menghasilkan kecemerlangan dan tidak memungkinkan perkhidmatan awam terus relevan pada pandangan rakyat. Sebaliknya, budaya kerja cemerlang serta keazaman yang kuat boleh menjadi pemangkin kepada usaha transformasi berterusan perkhidmatan awam.

Budaya kerja yang cemerlang hendaklah juga dizahirkan dalam keupayaan kita menyelesaikan permasalahan atau aduan yang dikemukakan oleh pelanggan secara berkesan. Walaupun sering kali persepsi terhadap aduan adalah negatif, namun ia merupakan semacam hadiah dan wahana terbaik dalam mengukur keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Agensi yang kerap berurusan dengan pelanggan semestinya mempunyai potensi untuk menerima aduan, tetapi apa yang lebih penting ialah tindakan pembetulan dan pencegahan yang diambil dalam memastikan aduan yang sama tidak berulang. Budaya ketepatan perlu diterapkan dalam pengurusan aduan agar ekspektasi pelanggan dapat dipenuhi melalui penyelesaian aduan yang berkualiti.

Marilah bersama-sama kita membuka lembaran baru dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh Kerajaan dengan penuh tekun dan dedikasi demi kepentingan rakyat dan negara.



TAN SRI MOHD SIDEK BIN HASSAN



FOREWORD BY THE CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT OF MALAYSIA


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Salam 1 Malaysia.

In the civil service, the citizens are our main customers. Therefore, all government agencies should strive to ensure each and every customer is satisfied and delighted with the services provided. This is not easy and it requires continuous creativity and innovation to achieve prompt, accurate, courteous and continuously improving service delivery.

For the successful implementation of the “1Malaysia, People First, Performance Now” concept, all civil servants must adopt a proactive approach to inculcate excellent work culture amongst ourselves. Passive and reactive attitudes will not bring about excellence or relevance from the citizens’ perspective. Instead, a strong commitment to excellence will certainly serve as a catalyst in our continuous effort to transform the civil service.

Similarly, excellent work culture should also be reflected in our ability to resolve public complaints or problems effectively. Although the general perception towards complaints is usually negative, nevertheless it is a gift and serves as a good measure of service delivery effectiveness. Agencies which have frequent interactions with the public have a high potential of receiving complaints. However, what matters most are the corrective and preventive actions taken to avoid recurrence of the complaints. Precision culture should also be adopted in the management of complaints to enable us to meet the people’s expectation regarding quality complaints resolution.

Let's embark on a new chapter together with total dedication and diligence in carrying out the responsibilities entrusted upon us by the Government for the interest of the people and the nation.



TAN SRI MOHD SIDEK BIN HASSAN



“Ekspektasi rakyat adalah sangat tinggi terhadap BPA dan sentiasa mengharapkan penyelesaian yang terbaik terhadap aduan mereka. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, tanggungjawab agensi mencerminkan sikap keterbukaan setiap agensi kerajaan dalam menerima maklum balas dari orang awam”

“The people have a very high expectation of PCB and they always expect to receive the best resolution arising from their complaints. To realise these aspirations, it is the responsibility of each agency to demonstrate an open attitude in receiving feedback from the public”

Dato' Dr. Tam Weng Wah

Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam/*Director-General of Public Complaints Bureau*



DATO' DR. TAM WENG WAH
Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam
Director-General of Public Complaints Bureau

KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua penjawat awam kerana berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi dalam pengurusan aduan awam terhadap agensi masing-masing. Usaha ini merupakan satu petanda baik dalam menyahut aspirasi Kerajaan ke arah merealisasikan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Peningkatan penerimaan aduan terhadap Perkhidmatan Awam sewajarnya dilihat sebagai sesuatu yang positif. Ekspektasi rakyat adalah sangat tinggi terhadap BPA dan sentiasa mengharapkan penyelesaian yang terbaik terhadap aduan mereka. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, tanggungjawab agensi mencerminkan sikap keterbukaan setiap agensi kerajaan dalam menerima maklum balas dari orang awam. Pada masa yang sama, setiap respons atau maklum balas tersebut boleh dijadikan kayu ukuran dalam memperkemas dan memperbaiki lagi kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Secara keseluruhannya, jumlah penerimaan aduan bagi tahun 2009 adalah sebanyak 12,683 aduan. Ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 57.2% aduan berbanding dengan jumlah penerimaan aduan bagi tahun 2008. Dari jumlah tersebut, BPA telah menyelesaikan sebanyak 12,376 (97.6%) aduan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan berbanding 7,308 aduan pada tahun 2008.

Perkara penting yang perlu diambil perhatian adalah inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dalam menyelesaikan setiap aduan yang diterima. Perkhidmatan mereka semua adalah wajar dipuji kerana mengambil pendekatan yang positif dalam menyelesaikan kebanyakan aduan dalam jangka masa yang munasabah.

Tahun 2009 merupakan tahun yang cemerlang kepada BPA kerana telah diberikan pelbagai amanah dalam usaha memperbaiki kualiti pengurusan aduan awam. Di antaranya ialah, memperkasakan pengurusan aduan awam di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sebagai contoh, BPA telah menjalankan kerjasama strategik dengan pihak akhbar *The Sun* dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dalam usaha untuk membantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam meningkatkan sistem pengurusan aduan awamnya. Kemuncak kepada kerjasama ini adalah penubuhan Pusat Panggilan Setempat DBKL yang dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 4 Januari 2010. Penubuhannya merupakan satu lagi bukti dan komitmen bahawa Kerajaan semakin serius dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA), Lembaga Penasihat BPA, semua Ketua Setiausaha Kementerian serta Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri di atas jalinan kerjasama yang baik serta sokongan dan semangat yang diberikan kepada BPA dalam mengurus dan menyelesaikan aduan awam dengan lebih sempurna dan berkesan.



DATO' DR. TAM WENG WAH



FOREWORD BY THE DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC COMPLAINTS BUREAU

Warm Greetings and Salam 1 Malaysia,

I would like to express my sincere thanks and appreciation to all civil servants for the high level of commitment shown in the management of public complaints within their respective agencies. This effort certainly reflects favourably of our response towards achieving the Government's aspiration of "1Malaysia, People First, Performance Now".

The increase in the number of complaints received against the civil service should be viewed positively. The people have a very high expectation of PCB and they always expect to receive the best resolution arising from their complaints. To realise these aspirations, it is the responsibility of each agency to demonstrate an open attitude in receiving feedback from the public. At the same time, each response or feedback can serve as the yard stick for streamlining and improving the quality of public service delivery.

In 2009, the total number of complaints received was 12,683. There was an increase of 57.2% as compared to the number of complaints received in the 2008. Of that total, with the excellent cooperation from the government agencies involved, PCB managed to resolve 12,376 or 97.6% of the complaints as compared to only 7,308 complaints in 2008.

An important aspect that needs to be highlighted is the initiatives undertaken by government agencies to resolve each of the complaints received. All agencies should be highly commended for the positive approach taken in resolving majority of the complaints within a reasonable time frame.

The year 2009 was a year of excellence for PCB as it was entrusted with the responsibility of improving the quality of public complaints management. Among these was the initiative undertaken to strengthen the management of public complaints in the local authorities. For example, a strategic partnership was formed between PCB, the Sun and the National Institute of Public Administration (INTAN) in an effort to enhance the complaints management system in the Kuala Lumpur City Hall (DBKL). The highlight of this strategic collaboration was the establishment of the DBKL One Stop Call Centre which was officially launched by the Chief Secretary to the Government on 4 January 2010. The establishment of this call centre is a reflection of the increasing seriousness and commitment given by the Government in its effort to enhance the quality of public service delivery.

Finally, I would like to express my deepest gratitude and sincere appreciation to the Chairman and Members of the Permanent Committee on Public Complaints (PCPC), the PCB Advisory Board, all Secretaries General of the Ministries as well as Heads of Departments and Agencies at Federal and State levels for the excellent cooperation and support given to PCB in its effort to manage and resolve public complaints in a more comprehensive and effective manner.



DATO' DR. TAM WENG WAH



“BPA hendaklah lebih responsif dan berinovatif dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat dalam konteks menguruskan aduan”

“PCB needs to be more responsive and innovative in delivering service to the people, particularly in managing complaints”

Tan Sri Abdul Halim Ali

Pengerusi Lembaga Penasihat BPA/*Chairman of PCB Advisory Board*

LEMBAGA PENASIHAT BPA **PCB ADVISORY BOARD**

Lembaga Penasihat BPA adalah badan penasihat yang ditubuhkan bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan BPA dalam menjalankan tanggungjawabnya. Lembaga Penasihat ini diketuai oleh seorang pengerusi dengan ahli-ahlinya terdiri daripada individu yang mewakili agensi kerajaan, sektor swasta, media dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Bagi tahun 2009, Lembaga Penasihat telah bermesyuarat sebanyak dua kali, iaitu pada 14 April dan 13 Oktober.



TAN SRI ABDUL HALIM ALI

Pengerusi Lembaga Penasihat BPA
Chairman of PCB Advisory Board

PCB Advisory Board is an advisory body established to enhance the effectiveness of PCB in exercising its responsibilities. The Advisory Board is headed by a chairman with members consisting of individuals representing government agencies, private sector, media and Non-Governmental Organisations (NGOs). In 2009, the Advisory Board had met twice, i.e. on 14 April and 13 October.

AHLI LEMBAGA PENASIHAT
MEMBERS OF THE ADVISORY BOARD



Dari kiri/*From Left*

Dato' Seri Mohd Annuar Zaini

Pengerusi, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)

Chairman, Malaysian National News Agency

Dato' Syed Amin Aljeffri

Presiden, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMM)

President, Kuala Lumpur Malay Chamber of Commerce

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim

Ketua Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

Director-General, National Registration Department

Datuk Dr. Mohd Tap Salleh

Presiden, Institut Integriti Malaysia (IIM)

President, Malaysia Institute of Integrity

Datuk Haji Zaini Mohd Nor

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (PPSPN)

Chief Executive Officer, National Solid Waste Management Corporation

AHLI LEMBAGA PENASIHAT
MEMBERS OF THE ADVISORY BOARD



Dari kiri/From Left

Datuk Marimuthu Nadason

Presiden, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)
President, Federation of Malaysian Consumers Associations

Prof. Madya Dr. Madeline Berma

Professor Madya, Universiti Kebangsaan Malaysia
Associate Professor, Universiti Kebangsaan Malaysia

Datuk Patrick Sindu

Presiden, Persatuan Pengguna Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan
President, Consumers' Association of Sabah and Federal Territory of Labuan

Dato' Dr. Nellie S.L. Tan-Wong

Timbalan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif Women's Institute of Management (WIM)
Deputy Chairman/Chief Executive Officer, Women's Institute of Management

Datuk Dr. Clarence Bongkos Malakun

Presiden, Persatuan Jaksa-Jaksa Pendamai Sabah
President, Sabah Justice of Peace Council

JAWATANKUASA TETAP PENGADUAN AWAM PERMANENT COMMITTEE ON PUBLIC COMPLAINTS

Bidang kuasa Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) adalah seperti berikut:

- Menentukan dasar-dasar mengenai sistem pengendalian pengaduan awam;
- Menimbang dan membuat keputusan mengenai laporan/kes yang dikemukakan oleh BPA mengenai pengaduan awam; dan
- Mengarahkan jabatan/agensi yang berkenaan supaya mengambil tindakan pembetulan dalam menyelesaikan sesuatu aduan/kes yang dirujuk kepadanya.

Keahlian JKTPA adalah seperti berikut:

- Ketua Setiausaha Negara (Pengerusi);
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan; dan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.



Ketua Setiausaha Negara

Chief Secretary to the Government of Malaysia

Sepanjang tahun 2009, JKTPA telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak lima kali, iaitu pada 23 Februari, 7 Mei, 7 Julai, 17 September dan 24 November. Mesyuarat telah membincang dan menimbang 17 kertas kerja yang menyentuh pelbagai isu aduan. Sejak sidang pertama pada 6 Oktober 1984 sehingga 31 Disember 2009, JKTPA telah mengadakan mesyuarat sebanyak 84 kali dan membincangkan 396 kertas kerja.

The Permanent Committee on Public Complaints (PCPC) terms of reference are as follows:

- *To determine policies regarding public complaints management system;*
- *To consider and decide on reports/cases submitted by PCB on public complaints; and*
- *To direct relevant departments/agencies to take remedial action to resolve cases/complaints referred to it.*

The committee members are:

- *Chief Secretary to the Government of Malaysia (Chairman);*
- *Director-General of Public Service Malaysia;*
- *Secretary-General, Ministry of Finance;*
- *Chief Commissioner, Malaysian Anti-Corruption Commission;*
- *Director-General, Malaysian Administration Modernisation and Management Planning Unit; and*
- *Senior Deputy Secretary-General, Prime Minister's Department.*

Throughout 2009, PCPC met five times, on 23 February, 7 May, 7 July, 17 September and 24 November. The Committee discussed and considered 17 working papers. Since its first meeting on 6 October 1984 until 31 December 2009, PCPC met a total of 84 times and discussed 396 papers.

AHLI JAWATANKUASA TETAP PENGADUAN AWAM

MEMBERS OF PERMANENT COMMITTEE ON PUBLIC COMPLAINTS



Tan Sri Ismail Adam
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
*Director-General of Public Service
Malaysia*

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Secretary-General, Ministry of Finance

Dato' Sri Haji Ahmad Said Hamdan
Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Malaysia
*Chief Commissioner,
Malaysian Anti-Corruption Commission*

Datuk Normah Md Yusof
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan
*Director-General,
Malaysian Administration Modernisation
and Management Planning Unit*

Dato' Zainol Othman
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
*Senior Deputy Secretary-General,
Prime Minister's Department*

JAWATANKUASA TETAP PENGADUAN AWAM PERMANENT COMMITTEE ON PUBLIC COMPLAINTS

Senarai Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) Sepanjang Tahun 2009

1. Cadangan Penyelesaian Pembinaan Utiliti: *Mini Feeder Pillar* Tenaga Nasional Berhad dan Tangki Septik Indah Water Konsortium di Kawasan Taman Perumahan dan Kedai;
2. Cadangan Menambahbaik Urusan Pindahmilik Tanah Berasaskan Borang 14A, Kanun Tanah Negara 1965;
3. Inisiatif Mempertingkatkan Sistem Pengurusan Pengaduan Awam;
4. Cadangan Penutupan Jalan Sungai Besi Indah 1/19D, Taman Sungai Besi Indah, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan;
5. Penambahbaikan Tatacara Pengurusan Izinlalu Untuk Talian Penghantaran dan Kabel Voltan Tinggi, Tenaga Nasional Berhad;
6. Cadangan Langkah-Langkah Pembasmian dan Penguatkuasaan Larangan Iklan Tanpa Permit di Tempat/Kemudahan Awam oleh Syarikat/Individu;
7. Cadangan Menangani Masalah Penternakan Burung Walit;
8. Cadangan Penambahbaikan Urusan Pendaftaran Lewat Kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia;

List of Papers Presented at the Permanent Committee on Public Complaints (PCPC) Meetings in 2009

1. *Proposal on Resolution of Utilities Construction: Tenaga Nasional Berhad Mini Feeder Pillars and Indah Water Konsortium Septic Tanks in Residential Areas and Shop Lots;*
2. *Proposal on Improving Land Transfer Based on Form 14A, the National Land Code 1965;*
3. *Initiative on Improving Public Complaints Management System;*
4. *Proposal on the Closure of Jalan Sungai Besi Indah 1/19D, Taman Sungai Besi Indah, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan;*
5. *Improvement on Tenaga Nasional Berhad Easement/Wayleave Management Procedures for Transmission Lines and High Voltage Cables;*
6. *Proposal on Eradicating and Enforcing Measures Prohibiting Advertising Without Permit in Public Places and Utilities by Companies/Individuals;*
7. *Proposal on Addressing Problems in Swiftlet Farming;*
8. *Proposal on Improving Late Registration of Births at National Registration Department;*

JAWATANKUASA TETAP PENGADUAN AWAM PERMANENT COMMITTEE ON PUBLIC COMPLAINTS

21

Senarai Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) Sepanjang Tahun 2009

9. Tuntutan Untuk Mendapatkan Kembali Wang Cagaran Bekalan Utiliti;
10. Cadangan Penyelesaian Masalah Penduduk dan Pengurusan di Kediaman Bertingkat;
11. Cadangan Penambahbaikan Dalam Urusan Pelantikan Pegawai Perubatan;
12. Cadangan Pelaksanaan Garis Panduan Konsep Skim Komuniti Berpagar (Gated & Guarded Community) Bukan di Bawah Akta 318;
13. Masalah Elaun Wilayah Tidak Diambil Kira Dalam Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
14. Cadangan Pembiayaan Ubat Kepada Pesara;
15. Cadangan Penambahbaikan Dalam Pertimbangan Kelulusan Pembinaan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi;
16. Cadangan Perlindungan Insuran Kepada Semua Kenderaan Jabatan Milik Kerajaan Malaysia; dan
17. Cadangan Penambahbaikan Terhadap Prosedur Kewangan.

List of Papers Presented at the Permanent Committee on Public Complaints (PCPC) Meetings in 2009

9. Claims on Refund of Security Deposit for the Provision of Utilities;
10. Proposal on Resolving Residents' Problems and Management of Multi-Storey Residential Premises;
11. Proposal on Improving the Appointment of Medical Officers;
12. Proposal on Implementing Guidelines for Gated and Guarded Community Not Covered Under Act 318;
13. Problem of Regional Allowances Not Accounted for in the Employees Provident Fund Contributions;
14. Proposal on Medical Payments to Pensioners;
15. Proposal on Improving the Approval Process for Construction of Telecommunication Transmission Structures;
16. Proposal on Insurance Coverage for Vehicles Owned by Government Departments; and
17. Proposal on Improving the Financial Procedures.



“Zaman bagi penjawat awam yang sekadar bertindak menguruskan fail dan borang telah lama berlalu kerana ekspektasi rakyat semakin meningkat”

“The days of civil servants just pushing files and processing forms are long gone as the people are demanding more”

Tan Sri Ismail Adam

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/*Director-General of Public Service Malaysia*

Maklumat Korporat

Corporate Information

Pengurusan Tertinggi

Top Management

BPA Selayang Pandang

PCB at a Glance

Dasar Kualiti

Quality Policy

Carta Organisasi

Organisational Chart





“Orang yang berjaya hari ini adalah lebih baik dari semalam dan esok lebih baik daripada hari ini. Jika sama sahaja hari ini, semalam dan kelmarin, maka dia dianggap gagal”

“Successful people are better today than yesterday, and much better tomorrow than today. If they are the same today, yesterday and the day before, then they are considered as failures”

Imam Al-Ghazali




DATO' DR. TAM WENG WAH

Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam

Director-General of Public Complaints Bureau

TIMBALAN KETUA PENGARAH
DEPUTY DIRECTORS-GENERAL



Dari kiri/From Left

Md Zin bin Musa

Timbalan Ketua Pengarah (Aduan)
Deputy Director-General (Complaints)

Hajah Umi Kalthom binti Mohamad Din

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Deputy Director-General (Management)

PENGARAH BAHAGIAN ***DIVISION DIRECTORS***



Dari kiri/*From Left*

Asmawar bin Samat (Sehingga 18 Oktober 2009/*Until 18 October 2009)*

Pengarah Bahagian Perancangan, Peyelidikan dan Penyelarasan
Director of Planning, Research and Co-ordination Division

Zamila binti Hashim

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Director of Management Services Division

Lim Peng Joo (Mulai 19 Oktober 2009/*Effective 19 October 2009)*

Pengarah Bahagian Perancangan, Peyelidikan dan Penyelarasan
Director of Planning, Research and Co-ordination Division

Aziz bin Ismail

Pengarah Bahagian Aduan
Director of Complaints Division

PENGARAH NEGERI STATE DIRECTORS



Dari kiri/*From Left*

Ahmad Samuri bin Hj. Mohd. Dahlan
Pengarah BPA Selangor
Director of PCB Selangor

Azlan Shah bin Abdul Latif
Pengarah BPA Pahang
Director of PCB Pahang

Adnan bin Hj Mohd Nasir
Pengarah BPA WP Kuala Lumpur
Director of PCB Kuala Lumpur FT

Marshall Theagarajah a/I SJ Rajaiah
Pengarah BPA Johor
Director of PCB Johor

Mahpof bin Mahmood
Pengarah BPA Melaka/Negeri Sembilan
Director of PCB Melaka/Negeri Sembilan

PENGARAH NEGERI STATE DIRECTORS



Dari kiri/*From Left*

Md Din bin Jusoh

Pengarah BPA Pulau Pinang/Kedah/Perlis

Director of PCB Penang/Kedah/Perlis

Wan Zulkiffeli bin Wan Hassan

Pengarah BPA Perak

Director of PCB Perak

Wee Lip Ping

Pengarah BPA Terengganu/Kelantan

Director of PCB Terengganu/Kelantan

Phillip Stephen Shim

Pengarah BPA Sarawak

Director of PCB Sarawak

Georgie Abas

Pengarah BPA Sabah

Director of PCB Sabah

30 | BPA SELAYANG PANDANG PCB AT A GLANCE

BPA SELAYANG PANDANG

Matlamat penubuhan sesuatu agensi awam adalah bertujuan melaksanakan dasar-dasar yang Kerajaan telah tetapkan. Demikian jugalah penubuhan Biro Pengaduan Awam (BPA) pada 23 Julai 1971, menjadikan ia sebagai badan pengawas aduan bagi menjamin pentadbiran yang cekap dan adil, dengan memberi maklum balas kepada Kerajaan dengan peranan yang berbentuk:

- Menjadi penghubung antara Kerajaan dengan rakyat; dan
- Bertindak sebagai saluran yang membolehkan orang ramai mengemukakan kesulitan mereka semasa berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan dari agensi kerajaan atau pengaduan terhadap sesuatu tindakan pentadbiran kerajaan yang dirasakan tidak adil.

Bermula dari itu, Kerajaan secara berterusan berusaha memantapkan peranan dan tanggungjawab BPA serta agensi-agensi awam sejajar dengan peredaran masa. Kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan, termasuk mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2009: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam bagi menggantikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 4 Tahun 1992.

PCB AT A GLANCE

The purpose of establishing any public agency is to implement policies stipulated by the Government. Similarly, the Public Complaints Bureau (PCB) was established on 23 July 1971 as a monitoring body to ensure an efficient and just administration, by providing feedback to the Government in its role as:

- *A liaison between the Government and the public; and*
- *A channel for the public to forward their grievances regarding the services rendered by government agencies or to complain about unfair administrative actions.*

Since then, the Government continuously consolidated the roles and responsibilities of PCB and public agencies in line with changing demands. In this regard, the Government had adopted several measures, including the introduction of the Development Administration Circular (DAC) No. 1 of 2009: Improvement of Public Complaints Management Process to replace the Development Administration Circular No. 4 of 1992.



BPA SELAYANG PANDANG PCB AT A GLANCE


31

Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, tempoh penyelesaian aduan telah dikurangkan daripada 41 hari kepada 15 hari dan semua jabatan/agensi hendaklah:

- Memberi perhatian sewajarnya kepada aduan awam dan mengurusnya seperti yang telah digariskan dalam PKPA Bil. 1/2009;
- Memberi perhatian sewajarnya kepada setiap isu menyentuh pentadbirannya yang dilaporkan oleh akhbar dengan memberi kerjasama untuk diselaraskan dan dipantau oleh BPA;
- Memastikan “Pengaduan Awam” dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat pengurusan disetiap jabatan/agensi kerajaan;
- Melantik seorang pegawai kanan bertaraf Timbalan Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Pengarah/Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memantau aduan; dan
- Melantik seorang pegawai untuk berurusan dengan BPA.

Through the enforcement of this circular, the resolution time for complaints was reduced from 41 days to 15 days and all agencies/departments were required to:

- *Give due attention to public complaints and manage the complaints accordingly as provided under the DAC No. 1/2009;*
- *Give due attention to issues raised in the media regarding their respective agencies and assist in the monitoring and coordination by PCB;*
- *Ensure that “Public Complaints” is a permanent agenda in the management meeting of every government agency;*
- *Appoint a senior officer with the rank of Deputy-Secretary General/Deputy Director-General/Deputy State Secretary to monitor complaints; and*
- *Appoint an officer to liaise with PCB.*



32 | BPA SELAYANG PANDANG *PCB AT A GLANCE*

Pada awal penubuhannya, BPA menyediakan Peti Surat 9000 sebagai saluran aduan. Bagaimanapun, kini BPA menyediakan pelbagai saluran aduan termasuk mengemblengkan kemudahan ICT. Antara saluran utama aduan ialah melalui:

Laman Web BPA	www.pcb.gov.my
Telefon	03-8872 5777
Faks	03-8888 7778/03-8888 3748
SMS (Mulai 10 November 2009)	15888
Alamat Surat – Menyurat	Peti Surat 9000, 50590 Kuala Lumpur
Hadir Sendiri	Ibu Pejabat BPA dan Pejabat BPA Negeri
Program Proaktif	Kaunter Aduan Bergerak (KAB) Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (KABB) Program Mesra Rakyat (MESRA) Program Penyelesaian Aduan Segera

During the early years of its establishment, PCB utilised PO Box 9000 as the channel for complaints. However, currently PCB provides several channels including those utilising ICT-based infrastructure. Among the main channels for complaints are:

<i>PCB Website</i>	www.pcb.gov.my
<i>Telephone</i>	03-8872 5777
<i>Facsimile</i>	03-8888 7778/03-8888 3748
<i>SMS (Effective from 10 November 2009)</i>	15888
<i>Mailing Address</i>	PO Box 9000, 50590 Kuala Lumpur
<i>Walk-in</i>	PCB Headquarters and State Offices
<i>Proactive Programmes</i>	Mobile Complaints Counter (MCC) Integrated Mobile Complaints Counter (IMCC) Mesra Rakyat Programme (MESRA) Instant Problem Solving Programme (IPSP)

DASAR KUALITI, VISI DAN MISI **QUALITY POLICY, VISION AND MISSION**

DASAR KUALITI

Kami adalah komited kepada perkhidmatan dan layanan yang berkualiti dan berdedikasi dalam penyelesaian aduan bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang diwujudkan.

Kami juga komited membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa sesuai mengikut kehendak pelanggan.

VISI

Menjadi sebuah organisasi utama yang menyumbang kepada pencapaian kecemerlangan perkhidmatan awam melalui penyelesaian aduan awam.

MISI

Menyelesaikan aduan awam dengan cepat, adil dan mesra serta menerima maklum balas awam mengenai dasar dan program kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

QUALITY POLICY

We are committed to delivering quality services and are dedicated to resolving complaints to fulfill clients' needs in accordance with the Quality Management System.

We are also committed to continuously improving the Quality Management System and reviewing the set quality objectives to ensure they are relevant to the needs of the clients.

VISION

To be a key organisation which contributes towards achieving public service excellence through resolving public complaints.

MISSION

To resolve complaints in a prompt, fair and courteous manner as well as to obtain public feedback on government policies and programmes towards enhancing the quality of life of all Malaysians.

34 | OBJEKTIF OBJECTIVES



Objektif

- Untuk menyelesaikan aduan dengan cepat, adil dan berkesan berdasarkan Piagam Pelanggan BPA;
- Untuk meningkatkan kadar penyelesaian aduan yang diterima daripada orang awam;
- Untuk menyediakan dan meningkatkan kemudahan membuat aduan kepada orang awam;
- Untuk mengurangkan aduan yang berulang-ulang terhadap perkhidmatan awam;
- Untuk memperkenalkan pembaharuan dan inovasi berasaskan aduan awam;
- Untuk memberi khidmat nasihat kepada agensi bagi meningkatkan sistem pengendalian aduan awam yang berkesan;
- Untuk mengesan isu-isu yang boleh menjadi punca aduan orang awam; dan
- Untuk mendapatkan maklum balas orang ramai bagi menjayakan program pembangunan kerajaan.

Objectives

- To resolve complaints efficiently, fairly and effectively as stipulated in the PCB Clients' Charter;
- To improve the resolution rate for complaints received from the public;
- To provide and improve the facilities for the public to lodge complaints;
- To reduce repetitive complaints received against the public service;
- To introduce transformation and innovation based on public complaints;
- To provide advisory services to any agency in order to enhance the effectiveness of the public complaints management system;
- To identify issues that can be the source of public complaints; and
- To obtain public feedback to ensure the success of the government development programmes.



Piagam Pelanggan


Mengurus dan menyelesaikan aduan orang ramai terhadap agensi-agensi awam dalam tempoh 15 hari bekerja.

Clients' Charter

To manage and resolve public complaints against government agencies within 15 working days.

NILAI-NILAI KOD ETIKA BPA	
Amanah	Setiap tugas hendaklah disempurnakan dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas.
Benar	Setiap amalan, tindakan dan perilaku hendaklah berasaskan kebenaran berdasarkan undang-undang dan peraturan.
Bijaksana	Setiap tugas dan tanggungjawab perlu dilaksanakan secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi.
Adil dan Saksama	Membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, kutamaan dan fakta yang lengkap and tepat.
Tulus	Setiap tindakan dan keputusan hendaklah dibuat melalui proses yang telus dan maklumatnya perlu dihebahkan kepada pihak yang berhak selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.
Bersyukur	Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan, pencapaian dan anugerah yang diperoleh serta kepuasan terhadap nikmat yang diterima.
Berdedikasi	Bersungguh dalam melaksanakan tugas dengan sempurna.
Profesional	Komited dan kompeten dalam menjalankan tugas.
VALUES OF PCB CODE OF ETHICS	
Trustworthy	<i>Every task must be completed with utmost responsibility and sincerity.</i>
Truthful	<i>Every deed, action and behaviour must be based on truthfulness premised upon laws and regulations.</i>
Wisdom	<i>Every task and responsibility must be implemented with wisdom based on knowledge, skills and a high level of professionalism.</i>
Fair And Just	<i>Just and fair consideration is given to every decision and action based on laws, regulations, priorities as well as complete and accurate facts.</i>
Transparent	<i>Every action and decision is made through a transparent process and the information must be made known to the rightful parties in accordance with he laws and regulations.</i>
Grateful	<i>Being thankful and appreciative of the successes, achievements as well as honours attained and showing contentment with the benevolence received.</i>
Dedicated	<i>Highly dedicated to carrying out duties fully.</i>
Professional	<i>Committed and competent in carrying out duties.</i>

CARTA ORGANISASI ORGANISATIONAL CHART





“Organisasi yang benar-benar mengalu, menghargai serta mengguna aduan sebagai pendorong dan panduan penambahbaikan, akan menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik berbanding organisasi yang tidak berbuat demikian”

“An organisation that truly welcomes, values and uses complaints to inspire and guide improvement will deliver better public services than one that does not”

Professor Alice Brown

Ikhtisar Prestasi

*Summary of
Achievements*

Program Aduan Awam

Public Complaints Programme

Program Pengurusan

Management Programme



40 | IKHTISAR PRESTASI SUMMARY OF ACHIEVEMENTS

Program Aduan Awam

Jumlah aduan yang diterima tidak penting, yang lebih diutamakan ialah berapa banyak aduan-aduan ini dapat diselesaikan serta menjangkaui ekspektasi orang ramai. Sepanjang tahun 2009, BPA menerima 12,683 aduan dengan prestasi penyelesaiannya sebanyak 97.6%. BPA juga dipertanggungjawabkan menguruskan Warkah Untuk Perdana Menteri (WUPM) sehingga 23 Mac 2009 sahaja yang berjumlah 385 aduan dan semua telah diselesaikan. Walau pun pelbagai saluran aduan telah disediakan, namun orang ramai lebih selesa menggunakan laman web (41.9%) berbanding program proaktif (20.4%), surat menyurat (12.1%), bersemuka (11.8%), Program Menangani Aduan Sebelum Jadi Aduan atau MASJA (6.3%) dan telefon (5.7%).

Lokasi dan sub-budaya masyarakat secara tidak langsungnya mempengaruhi bilangan dan isu aduan yang diterima. Catatan bilangan aduan ke atas kementerian-kementerian lebih besar jumlahnya, iaitu 8,694 (68.5%) berbanding agensi-agensi negeri, hanya 3,989 (31.5%). Bagaimanapun, prestasi penyelesaiannya, agensi negeri mengatasi kementerian dengan mencapai 98.1% berbanding 97.4%.

Sungguhpun pelbagai isu yang diketengahkan orang ramai, perkara-perkara yang mendapat perhatian mereka adalah berkaitan kelewatan (33.7%), kualiti perkhidmatan (17.9%) dan tindakan tidak adil (16.5%), kegagalan penguatkuasaan (10.5%) dan yang lain-lain (10.0%). Kayu ukur dan matlamat akhir penyampaian perkhidmatan awam cemerlang ialah kepuasan rakyat. Dalam hubungan ini, Indeks Kepuasan Pelanggan ke atas pengurusan aduan yang dikendalikan BPA ialah 88.5%, iaitu gabungan kategori cemerlang (46.5%) dan baik (42.0%).



Public Complaints Programme

The number of complaints received was not the main concern as the priority was on the number of complaints resolved beyond public expectations. Throughout 2009, PCB received 12,683 complaints with 97.6% resolution. It was also responsible for handling the Letters to the Prime Minister (WUPM) until 23 March 2009, totalling 385 complaints. All of which have been resolved. Despite the various channels for complaints made available, the public were more at ease using the website (41.9%) as compared to proactive programmes (20.4%), letters (12.1%), walk-in (11.8%), MASJA (6.3%) and telephone (5.7%).

Kesediaan membantu serta memberi perhatian penuh <i>Willingness to assist and give full attention</i>	53.6	37.7	6.7	2.0
Ketepatan masa menghantar surat akuan terima <i>Promptness in sending acknowledgement letter</i>	46.2	43.8	7.9	2.0
Pemberitahuan kemajuan siasatan kes dari semasa ke semasa <i>Periodic notification regarding progress of investigation</i>	46.3	40.1	9.9	3.7
Pemberitahuan tentang hasil siasatan kes aduan <i>Notification on the outcome of the investigation</i>	47.9	39.4	7.0	5.7
Keberkesanan berurusan melalui telefon <i>Effectiveness in dealing over the telephone</i>	39.5	43.8	10.2	6.5
Cara jawapan melalui telefon <i>Way of responding through telephone</i>	38.9	45.9	10.1	5.1
Kepercayaan kepada BPA dalam menyelesaikan masalah <i>Confidence in PCB's ability to resolve the problem</i>	49.8	35.2	9.5	5.5
Kualiti perkhidmatan keseluruhan <i>Overall service quality</i>	47.4	41.9	7.5	3.2
Jumlah (%) <i>Total</i>	46.5	42.0	7.9	3.6

A photograph of a row of white classical columns, likely part of a government or institutional building. The columns are fluted and have decorative capitals. In the background, a multi-story building with many windows is visible. The overall image has a light, slightly desaturated blue tint.

Surat Penghargaan *Letters of Appreciation*

Ruj Kami: SALES/LMOH/T/12/2009
Tarikh: 10hb Julai 2009

Ketua Pengarah
Biro Pengaduan Awam
Jabatan Perdana Menteri (JPM)
Aras 6, Blok B1,
Kompleks JPM,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Wilayah Persekutuan,
Putrajaya

Tuan,

KONTRAK NO: KKM-113/2008 (185/2008) ICT, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Biro Pengaduan Awam diatas bantuan yang diberikan untuk menyelesaikan isu kelewatan pembayaran RM2,828,805.00 kepada syarikat kami, D.G.Kom. Sendiran Berhad berhubung dengan pelaksanaan kontrak yang tersebut di atas. Kami telah pun menerima keseluruhan bayarannya pada 23hb Jun 2009.

Y.M Tengku Adnin dan Puan Nuraida Manan telah banyak menyumbang kepada penyelesaian ini manakala Puan Zawiyah telah memainkan peranan di peringkat awal. Sesungguhnya kewujudan dan peranan Biro Pengaduan Awam amat relevan dalam usaha-usaha untuk mengatasi isu-isu tertentu yang dihadapi oleh rakyat, yang merasa hak-hak mereka tidak ditangani dengan adil oleh pihak kerajaan.

Kami akan menyediakan satu laporan berhubung dengan isu yang berbangkit ini bagi pihak berkuasa yang berkenaan mempertimbang dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya. Adalah harapan kami pengalaman pahit yang kami alami ini tidak akan berulang lagi di masa hadapan sesuai dengan konsep 1 Malaysia - Rakyat Didahulukan - Pencapaian Diutamakan - dan juga sebagai kedudukan petunjuk Prestasi Utama (KPI - Key Performance Indicators) dan Bidang Hasil Utama (KRA - Key Result Areas) yang di laung-laungkan pengudanya di semua kementerian dan agensi-agensi kerajaan (termasuk setiap urusan kerajaan yang dilakukan) akan dapat dipertahankan.

Adalah diharapkan pihak tuan tidak keberatan menghubungi kami jika ada perkara-perkara tambahan yang perlu di perelaskan.

Terima kasih.

Handwritten: kpp (A) 4, 17/2

Stamp: 17 JUL 2009, PUTRAJAYA, BIRO PENGADUAN AWAM, DI TERIMA

Rujukan Saya: BA/2FA/2/2009(1)

Pengarah,
Biro Pengaduan Awam Negeri Sabah,
Jabatan Perdana Menteri,
Suite 6-15, Tingkat 6, Menara MAJ,
No.6, Lorong Api-api 1,
85800 Kota Kinabalu, Sabah.

Tuan,

COMPLETION OF RECTIFICATION WORKS TO 4 MOTHERS OF VILLAGE ROAD LAMPS AT KAMPUNG BAMBANGAN BAKU, N.11, TRINAM, KOTA KINABALU, SARAWAK, MALAYSIA.

I humbly refer to abovesaid subject matter and to our complaint reference BA/2FA/2/2009 dated 09.02.2009.

2. We are very pleased to inform PCB that, the abovesaid 4 lamps has been rectified and has been replaced with damaged parts on 14.2.2009 by the contractor under the supervision of the undersigned person.

3. The four years wait by the village road users has been implemented within 5 days under the recommendation of PCB Kota Kinabalu.

4. The village road users thank PCB for the immediate actions.

Thank you PCB.

20th March, 2009

Encik Georgie Abas
Pengarah
Biro Pengaduan Awam Negeri Sabah
KOTA KINABALU

Tuan,

KES 43866

I am pleased to inform you that the above-mentioned case has now been fully resolved.

A cheque (CIMB Bank, No.669786) for the full amount of RM12,095 (Malaysian Ringgit Twelve Thousand and Ninety Five Only) was issued by [REDACTED] on 13th March, 2009. The cheque was deposited into the Outward Bound Trust of Sabah account on 13th March, 2009 and has now been cleared.

On behalf of the Outward Bound Trust of Sabah, I would like to thank you personally and your Department for settling this long outstanding case so expeditiously and in such an efficient and professional manner.

We are particularly impressed with the swift action taken by you to resolve the matter. We also appreciate the fact that you constantly kept us informed of the progress of the case.

It is most comforting to know that there is after all a Government agency that takes its role and responsibility seriously.

I am sure under your able and proactive leadership the BPA will be able to restore the public's faith in the Civil Service.

Thank you and warmest regards.

Stamp: 31 MAR 2009, BIRO PENGADUAN AWAM, DI TERIMA, JABATAN PERDANA MENTERI

24.06.2009

Pengarah,
Biro Pengaduan Awam,
Pejabat Melaka Negeri Sembilan,
Tkt 3, Bangunan Bank Rakyat,
Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka.

Tuan,

Kes 47130 : Permohonan Bantuan Kebajikan [REDACTED]

Terlebih dahulu saya memohon maaf kerana kelewatan membalas surat tuan bertarikh 01.06.2009.

2. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada BPA, khususnya BPA negeri Melaka kerana telah dapat menyelesaikan kes yang saya kemukakan. Hasil campur tangan BPA, permohonan bantuan kebajikan sejak 2.2.09 telahpun dapat diluluskan. Cuma agak terkilan kelulusan hanya berkuatkuasa mulai 15.07.09 iaitu setelah 5½ bulan permohonan dibuat. Bagaimanapun saya tidak mahu tergulung dikalangan mereka yang tidak tahu bersyukur, seperti kata Y.B Ar Ismail Othman ADUN Kuala Linggi, dalam Melaka Hari Ini 17.06.09(rabu) muka 19 bahawa beliau rasa kecewa akan segelintir individu yang tidak tahu bersyukur dengan apa yang diperolehi.

3. Sehubungan dengan kelulusan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai tuan iaitu Encik Mohd Saharil b. Hj Md Noh dan Cik Crispina bti Peter atas perkhidmatan yang diberikan.

CONTOH SURAT PENGHARGAAN *SAMPLE LETTERS OF APPRECIATION*

101

Sent: Wednesday, 5 August, 2009 3:35 PM

To: Saari bin Omar

Subject: RE: 02 - SURAT KEPADA AGENSI (BANTUAN PENJAGA OKU TERLANTAR TIDAK MENERIMA BANTUAN)

Assalamualaikum,

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

Pihak kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan kerana aduan kami telah di ambil tindakan yang sewajarnya. Pihak kami telah menerima bantuan kewangan kelewatan daripada bulan Januari 2009 sehingga Julai 2009 dan hari ini (05 Ogos 2009) kami menerima bantuan kewangan bagi bulan Ogos 2009 didalam Akaun buku Bank Simpanan Nasional.

Selain daripada itu pihak kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dari BPA, jika tidak masalah ini tidak akan dapat diselesaikan tanpa kerjasama dari berbagai pihak termasuk pihak Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri kepada En Saari Bin Osman.

Sekian, terima kasih.

Sent: Wednesday, March 04, 2009 4:27 PM

To: Saari bin Omar

Cc: Md. Nasir bin Ecsoff

Subject: Kes A48956 Aduan Berkenaan Tiada Pendakwaan Terhadap Kes Pecah Rumah

Assalamualaikum Encik Saari,

Terima kasih diatas respon yang telah pihak tuan berikan kepada aduan yang telah pihak saya kemukakan. Sekalung penghargaan kepada pihak tuan kerana telah melaksanakan tugas dengan baik dan mengikut saluran-saluran yang telah ditetapkan.

Walaupun bagaimanapun, saya sedikit kecewa kerana tiada maklumbalas dari pihak AG kepada surat yang dimajukan oleh pihak tuan. Saya faham bahawa ianya merupakan sesuatu yang diluar kawalan dan keupayaan pihak tuan. Namun saya akan terus berusaha untuk mendapatkan penjelasan dari pihak AG tentang kes ini melalui saluran-saluran alternatif tanpa menjejaskan kredibiliti mana-mana pihak perkhidmatan awam.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada En Saari khasnya dan pihak BPA-JPM amnya kerana telah melaksanakan tugas yang cemerlang didalam usaha untuk menangani salah laku jabatan-jabatan perkhidmatan awam. Saya harap agar usaha murni akan diteruskan sampai bila-bila.

Sent: Thu 1/7/2010 4:09 PM

To: Asrul Nizwan Mohamad

Subject: Re: 07 - SURAT KPD PENGADU (KEPUTUSAN)

Encik Asrul,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas bantuan yang telah diberi oleh Biro Peraduan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Bantuan tersebut telah berjaya mengerakkan pihak yang terbabit untuk menghubungi saya secara terus dan cuba berkomunikasi dengan saya untuk tujuan menyelesaikan aduan yang telah dibuat oleh saya selama ini.

Bagaimanakah cara yang paling mudah untuk mengisi Borang maklum balas kepada BPA kerana borang tersebut dalam bentuk PDF? Saya ingin tanya sama ada pihak pihak tuan menyediakan borang maklum balas secara online yang mudah untuk saya memberi maklum balas.

Sekian, terima kasih.

Sent: Wednesday, November 26, 2008 6:49 PM
To: Yahaya bin Mad Marjuki
Subject: Re: 07 - SURAT KPD PENGADU (KEPUTUSAN)

Terimakasih dan syabas semoga BPA mendapat mandat yang lebih besar daripada kerajaan dan rakyat. Harapan saya agar BPA menjadi jambatan kepada orang awam seperti saya untuk mengadu nasib apabila berhadapan dengan pegawai kerajaan yang bersikap sambil lewa. **TAHNIAH DAN SYABAS>**

Sent: Wednesday, 7 January, 2009 11:10 AM
To: Azlan Shah bin Abdul Latif
Subject: Kes - 41785 PENAHANAN KENDERAAN DI BAWAH AKTA PENGUBAHAN WANG HARAM 2001 (AMLA)

Encik Azlan Shah,

Kami amat berterima kasih atas usaha tuan dalam menyelesaikan perkara ini. Untuk makluman pihak tuan anak guam kami juga amat berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh pihak tuan.

Bersama dengan ini kami lampirkan salinan scan Borang Maklumbalas kami untuk perhatian pihak tuan.

Sekian terima kasih.

Ketua Pengarah,
Biro Pengaduan Awam,
Aras 6, Blok B1, Komplek JPM,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya.

(U.P.: Yang Mulia Tengku Adnin bin Tengku Adnan)

Yang Mulia,

KES 41390

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada surat tuan Bil. BPA/020/2008. 12/DCA/41390 bertarikh 10hb. Februari, 2009 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas usaha dan tindakan pihak tuan menyelesaikan kes saya yang telah lama tertunggak itu. Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak tuan diberi peranan yang lebih inovatif dan kuasa yang lebih authoritative di dalam menyiasat dan menyelesaikan secara menyeluruh kes-kes yang dilaporkan disamping membetulkan salah tadbir atau salah laku oleh mana-mana pihak yang diadukan.

Sekian, terima kasih.

CONTOH SURAT PENGHARGAAN SAMPLE LETTERS OF APPRECIATION

103

From: [REDACTED]

Sent: Thu 9/17/2009 11:47 AM

To: Nuraida Manap

Subject: Re: 08 - SURAT PENGHARGAAN

Salam Cik Nuraida,

Kecekapan dan kerjasama dari pihak cik sungguh baik dan segera.

Syabas saya ucapkan. Saya telah terima semua emel dan 'attachment'.

Saya akan buat susulan atau pertanyaan dgn pihak berkenaan selanjutnya.

Terima kasih, Selamat Hari Raya.

Assalamu alaikum Cik Qistina.

Terima kasih banyak atas bantuan dan sokongan berterusan yang Puan berikan sehingga Keputusan penutupan kuari dibuat seperti dalam surat Puan. Alhamdulillah syukur keada Allah. Walau bagaimanapun isu tuntutan gantirugi akan kami panjangkan lagi dengan salinan akan dihantar kepada Puan. Sesungguhnya kerja cemerlang Puan kami amat hargai dan didoakan keada Allah agar diberi ganjaran yang setimpal. Saya telah hantar borang maklum balas dengan rumusan cemerlang kepada Ibu Pejabat BPA.

Mengenai pembangunan jalan dan sebagainya pihak MDTM memaklumkan akan membuat lawatan turun padang ke Kota Malim Prima pada 6 Ogos 2009 (Esok). Ada pelbagai Agensi Kerajaan Negeri yang akan terlibat. Ini pun kami yakin atas tindakan BPA. Tetapi dalam senarai jemputan yang diedarkan oleh MDTM tidak termasuk BPA, Walau bagaimanapun sekiranya pihak Puan sudi hadir, kami silakan. Butir-butir Perjumpaan adalah seperti berikut. Maaf lewat maklum kerana petang semalam baru confirm. Saya hubungi Puan melalui handphone semalam tetapi tidak berjaya.

From: [REDACTED]

Sent: Tuesday, 3 March, 2009 9:28 PM

To: Saravanan a/l Gogarajah

Subject: Re: 04 - SURAT KPD PENGADU (SIASATAN)

Hello,

Terima kasih kerana memberi perhatian terhadap aduan saya. Saya benar-benar bangga dengan pihak tuan kerana menunjukkan sikap yang begitu bertanggungjawab dan ikhlas dalam perkerjaan.masalah pencurian pasir di Taman Sri Haneco telah selesai, dan tempat nya pun telah ditutup. segala ancama kesan daripada kejadian tersebut telah selesai.

Selagi lagi syabas kepada anda kerana saya tidak sangka BPA adalah badan yang proaktif, dinamik dan berwibawa.

Tahniah. Saya akan sentiasa berkerjasama dengan pihak BPA demi generasi Malaysia akan datang yang cemerlang.

Sekian, terima kasih

Yang Ikhlas,

SEMINAR PENGURUSAN ADUAN AWAM **PUBLIC COMPLAINTS MANAGEMENT SEMINAR**



Seminar Pengurusan Aduan Awam

BPA menganjurkan Seminar Pengurusan Aduan Awam pada 5 dan 6 Oktober 2009, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Tema seminar ialah “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan: Pengurusan Aduan Awam Ke Arah Kecemerlangan Perkhidmatan Awam”. Antara objektifnya ialah untuk memantapkan kemahiran dan pengetahuan, mengenal pasti teknik dan kaedah, berkongsi pengalaman, membangkitkan kesedaran dan menjalinkan kerjasama dalam pengurusan aduan berkualiti. Seminar ini telah berjaya menghimpunkan seramai 427 peserta dari 233 agensi awam, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Sebanyak 21 kertas kerja telah dibentangkan oleh mereka yang pakar dalam bidang masing-masing di sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan juga agensi awam.

Public Complaints Management Seminar

PCB organised the Seminar on Public Complaints Management on 5 and 6 October 2009 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC). The theme of the seminar was “People First, Performance Now: Public Complaints Management towards Public Service Excellence”. Among its objectives were to strengthen the skills and knowledge, identify techniques and methods, share experiences, raise awareness and enhance cooperation in the quality complaints management. This seminar was attended by 427 participants from 233 public agencies, private and non-governmental organisations (NGOs). A total of 21 working papers were presented by experts in their respective fields from the private sector, government linked companies (GLCs) as well as government agencies.

Retreat Pengurusan BPA

Satu *Retreat* Pengurusan BPA telah diadakan pada 13 hingga 15 November 2009 di Hotel Emperor Melaka. Objektifnya ialah untuk merangka hala tuju dan pendekatan baru Biro Pengaduan Awam berdasarkan perubahan persekitaran, cabaran dan harapan serta ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan. *Retreat* ini telah disertai oleh seramai 31 orang pegawai daripada Gred 41 hingga 54 bersama-sama Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah (Aduan). Perbincangan telah dirangkumkan di bawah topik-topik "*Environmental Changes & Challenges*", "*Expectations of Customers and Stakeholders*" dan "*Reflections and the Way Forward*". Hasil daripada *Retreat* ini diterjemahkan dalam Pelan Strategik BPA yang akan menggariskan pendekatan dan hala tuju BPA pada masa akan datang.



PCB Management Retreat

The PCB Management Retreat was held from 13 to 15 November 2009 at the Emperor Hotel Melaka. The objective of this retreat was to formulate a new direction and approach for the Public Complaints Bureau based on environmental changes, challenges as well as the hope and expectations of stakeholders and customers. The Retreat was attended by 31 officers from grades 41 to 54 together with the Director-General and Deputy Director-General (Complaints). Discussions included the topics of "Environmental Changes and Challenges", "Expectations of Customers and Stakeholders" and "Reflections and the Way Forward". The result of this retreat was incorporated in the PCB Strategic Plan as outline for its future approach and direction.



Pemantauan Media

Pemantauan ini dilakukan terhadap semua berita dan aduan yang disiarkan melalui media cetak atau online di Malaysia. Pemantauan ditumpukan kepada maklum balas agensi kerajaan terhadap isu yang berbangkit dalam tempoh 24 jam selaras dengan saranan Ketua Setiausaha Negara.

Secara keseluruhannya, bilangan berita dan Surat Kepada Pengarang (SKP) sepanjang tahun 2009 yang telah dipantau adalah berjumlah 28,475. Secara terperinci, bilangan berita adalah sebanyak 26,314 dan SKP sebanyak 2,161.

Media Monitoring

This monitoring is carried out on all news and complaints published in the print and online media in Malaysia. The focus of this monitoring is on the feedback provided by government agencies regarding issues raised within 24 hours as directed by the Chief Secretary to the Government of Malaysia.

Overall, the number of news and Letters to Editor (LTE) monitored in 2009 was 28,475 which consists of 26,314 news and 2,161 LTE.

PEMANTAUAN ADUAN YANG KEMENTERIAN TERIMA MONITORING OF COMPLAINTS RECEIVED BY MINISTRIES

107

Pemantauan Aduan Yang Kementerian Terima

Mesyuarat Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3P) pada 5 Mei 2009 bersetuju supaya semua kementerian dan agensi kerajaan memperkasakan pengurusan aduan pelanggan. Sehubungan dengan itu, pelaporan bulanan mengenainya hendaklah disalurkan kepada Biro Pengaduan Awam mulai Mei 2009 dan disediakan laporannya untuk Mesyuarat Panel 3P.

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 94,127 aduan telah kementerian terima dan 81,683 (86.8%) telah diselesaikan. Kementerian yang menerima aduan tertinggi adalah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan sebanyak 27,622 aduan di mana 20,467 (74.1%) telah diselesaikan. Ia diikuti oleh Kementerian Dalam Negeri dengan sebanyak 17,896 aduan dan prestasi penyelesaiannya ialah 17,636 (98.6%). Berpandukan peratus penyelesaian, sebanyak 64.0% kementerian yang mencapai penyelesaian aduan melebihi 90.0% menunjukkan komitmen yang tinggi oleh agensi terhadap aduan yang diterima.

Monitoring of Complaints Received by Ministries

The Service Delivery Monitoring Panel (Panel 3P) meeting on 5 May 2009 agreed that all ministries and government agencies should strengthen the management of customer complaints. As a result of the decision, ministries were required to send monthly reports on complaints received to the Public Complaints Bureau beginning May 2009 to be reported in the 3P Panel Meeting.

In 2009, a total of 94,127 complaints were received by the ministries and 81,683 (86.8%) of these complaints were resolved. The ministry that received the most number of complaints was the Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing with a total of 27,622 complaints, of which 20,467 (74.1%) were resolved. This was followed by the Ministry of Home Affairs which received 17,896 complaints, of which 17,636 (98.6%) were resolved. With 64.0% of the ministries achieving complaints resolution rate of more than 90.0%, this shows that there is a high level of commitment by the agencies to resolved the complaints received.



Rangkaian Kerjasama Strategik Bersama DBKL

Cetusan idea Ketua Setiausaha Negara telah menghasilkan kerjasama strategik BPA dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam aspek pengurusan aduan. Ia berikutan peningkatan bilangan aduan yang diterima oleh agensi awam, khususnya PBT. Langkah ini merupakan satu pendekatan baru yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak, iaitu akhbar *The Sun*, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan DBKL sebagai PBT terpilih dan agensi perintis di bawah program ini. Antara objektif program ini bertujuan memperkasakan sistem pengurusan aduan agensi agar kualiti penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Selain dari itu, program ini juga untuk memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan, iaitu rakyat sebagai pembayar cukai, mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik secara berterusan selari dengan tuntutan perubahan semasa. Kerjasama ini yang telah dimulakan pada bulan Julai 2009. Beberapa siri perbincangan dan latihan telah diadakan, termasuk penyediaan prasarana bagi mengguna pakai sistem i-SPAAA di DBKL. Kemuncak pelaksanaan program ini adalah penubuhan Pusat Panggilan Setempat DBKL (Call Centre) menggunakan Talian Bebas Tol 1-800-88-3255 dan dilancar secara rasminya pada 4 Januari 2010 oleh YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara.

Strategic Networking with Kuala Lumpur City Hall

The strategic collaboration with Kuala Lumpur City Hall (DBKL) in terms of complaints management was the brain child of the Chief Secretary to the Government of Malaysia. This idea was mooted as the result of increasing complaints received by public agencies, particularly at the local authorities. This new approach involves the cooperation of several parties including the media, namely The Sun Daily, the National Institute of Public Administration (INTAN) and the Kuala Lumpur City Hall as the pilot agency. The objective of this programme was to strengthen the complaints management system of agencies so that the quality of service delivery can be further enhanced. In addition, this programme was designed to meet the needs and expectations of the customers, i.e. citizens and taxpayers, so that the services offered are improved continuously in line with current changes. This collaboration was initiated in July 2009 involving a series of discussions and training sessions on the implementation of i-SPAAA at the City Hall. The highlight of this initiative was the establishment of the DBKL Call Centre using a Toll Free Number 1-800-88-3255. This Call Centre was officially launched on 4 January 2010 by Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Chief Secretary to the Government of Malaysia.



Rangkaian Kerjasama Strategik Bersama Agensi

Pengurusan aduan yang BPA kendalikan tidak mudah dilaksanakan tanpa kerjasama dan sokongan agensi-agensi awam. Oleh itu, BPA mengaturkan perjumpaan dan sesi dialog secara berkala dengan Ketua Komunikasi Korporat dan Pegawai Perhubungan Awam (PPA) kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri. Pada tahun 2009, BPA telah mengadakan sebanyak empat kali sesi dialog, iaitu pada 19 Januari, 9 Jun, 8 September dan 15 Disember. Sebelum ini perjumpaan hanya diadakan sebanyak dua kali setahun sahaja. Kekerapan perjumpaan telah ditingkatkan supaya:

- (i) memberi peluang untuk perbincangan secara terbuka terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pegawai yang menguruskan aduan di peringkat agensi mahupun BPA; dan
- (ii) dapat berkongsi maklumat dan pengalaman untuk penambahbaikan pengurusan aduan.

Collaborative Networking with Agencies

The management of complaints by PCB cannot be easily achieved without the support and cooperation of public agencies. Therefore, PCB conducts regular meetings and dialogue sessions with Heads of Corporate Communication and Public Relations Officers from the various ministries, departments and state governments. In 2009, PCB held four dialogue sessions, i.e. 19 January, 9 June, 8 September and 15 December. Previously, only two dialogue sessions were conducted yearly. The frequency of the meetings were increased to:

- (i) provide opportunities for open discussions on problems faced by officers handling complaints in agencies or PCB; and*
- (ii) share information and experiences on improving complaints management.*

Dalam konteks pelaksanaan, BPA sebagai *lead agency* adalah bertanggungjawab mengkaji proses dan prosedur gerak kerja pengurusan aduan di agensi serta mengemukakan syor-syor penambahbaikan yang wajar. BPA telah menyediakan Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu atau i-SPAAA untuk diguna pakai oleh agensi-agensi bagi meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan aduan, terutamanya dalam berteraskan aspek 3R, iaitu pengesanan dan tindak balas (*responding*), rekod (*recording*) dan pelaporan (*reporting*). Selain itu, dalam aspek pembangunan modal insan, pihak INTAN pula dipertanggungjawabkan untuk merangka dan melaksanakan program latihan dan kursus kepada anggota yang terlibat bersesuaian dengan fungsi dan budaya kerja agensi berkenaan.

In terms of implementation, PCB as a lead agency, is responsible for reviewing the processes and procedures within the framework of the agency which received complaints and make recommendations for improvements. PCB has developed an Integrated Public Agency Complaints Management System or i-SPAAA which is to be adopted by the selected agencies to improve the effectiveness of complaints management, especially in terms of 3R, i.e. the detection and response, recording and reporting. In addition, in terms of human resource development, INTAN is responsible for developing and implementing training programmes and courses for the staff involved in accordance with the functions and culture of each agency.



LAWATAN DARI AGENSI LUAR NEGARA VISITS FROM FOREIGN AGENCIES

111

i. Bahagian Kabinet, Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh

Seramai enam orang pegawai kanan dari Bahagian Kabinet, Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh yang diketuai Setiausaha Kabinetnya, telah mengadakan lawatan rasmi ke BPA pada 21 April 2009. Hasil lawatan tersebut membolehkan kedua-dua pihak berbincang dan bertukar pandangan mengenai sistem pengurusan aduan masing-masing.

ii. Asian Ombudsman Association

BPA adalah anggota Asian Ombudsman Association (AOA), sebuah badan bebas bukan kerajaan dan forum profesional untuk Ombudsman yang ditubuhkan di negara-negara Asia. Lawatan sambil belajar di kalangan ahli-ahli AOA kali ini merupakan salah satu program di bawah projek *Asian Development Bank Regional Technical Assistance (RETA) - Strengthening the Asian Ombudsman Association* yang dilaksanakan oleh AOA. Pihak BPA dipilih sebagai tuan rumah untuk lawatan tersebut pada 6 hingga 12 Disember 2009. Seramai empat orang Ombudsman dari Pakistan dan Sri Lanka telah memfokuskan perbincangan kepada aspek penandaarasan, inovasi dalam pengurusan aduan dan pelaksanaan program-program proaktif.



i. Cabinet Division, Republic of Bangladesh

A total of six senior officials from the Cabinet Division, Government of the People's Republic of Bangladesh led by its Cabinet Secretary made an official visit to PCB on 21 April 2009. The visit enabled both parties to have a two way discussion and exchange of views regarding the complaints management systems in their respective countries.

ii. Asian Ombudsman Association

PCB is a member of the Asian Ombudsman Association (AOA), an independent non-governmental and professional forum for the Ombudsmen in Asian countries. Study visits among members of the AOA is one of the programmes under the Asian Development Bank Regional Technical Assistance (RETA) - Strengthening the Asian Ombudsman Association Project implemented by the AOA. PCB was chosen as the host for a study visit on 6 to 12 December 2009. The discussion of the four Ombudsmen from Pakistan and Sri Lanka focused on the aspects of benchmarking, innovation in complaints management and the implementation of proactive programmes.



“Aduan pelanggan merupakan buku sekolah yang kita pelajari”

"Customer complaints are the school books from which we learn"

Anonymous

Maklumat Pengurusan *Management Information*

**Bahagian Khidmat
Pengurusan**
Management Service Division

Inovasi Teknologi Maklumat
*Information Technology
Innovation*

BPA Bersama Media
PCB with the Media



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MANAGEMENT SERVICES DIVISION

Prestasi Kewangan

BPA telah mendapat peruntukan kewangan belanja mengurus bagi tahun 2009 sebanyak RM19,318,600.00. Sepanjang tahun 2009, BPA telah membelanjakan sebanyak RM14,311,656.92 (98.4%), iaitu bertambah sebanyak RM761,907 (5.5%) berbanding tahun 2008.

Financial Performance

In 2009, PCB was allocated an operating expenditure of RM19,318,600.00. Of this amount, PCB was able to spend RM14,311,656.92 (98.4%) in 2009, which was an increase of RM761,907 (5.5%) compared to 2008.

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2009
Performance of Operating Expenditure in 2009



Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan

Aset yang paling berharga bagi sesebuah organisasi adalah warganya. Tenaga kerja yang produktif, berpengetahuan, berkebolehan dan lebih berdaya saing diperlukan bagi memastikan BPA terus kekal relevan dalam memberikan perkhidmatan yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional. Dengan itu, BPA sentiasa berusaha membangunkan modal insan yang berilmu, berkeyakinan, berwibawa, berintegriti, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif dan cekal. Bersesuaian dengan cabaran semasa, pihak pengurusan jabatan yakin bahawa perancangan dan pembangunan modal insan yang sistematik dan teratur akan memantapkan guna tenaga yang terlatih ke arah menentukan hala tuju jabatan pada masa hadapan. Oleh yang demikian pihak pengurusan sentiasa mengambil berat mengenai perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia di BPA.

Perjawatan

Perjawatan di BPA pada tahun 2009 adalah berjumlah 249 perjawatan berdasarkan Waran Perjawatan Bilangan A 23 bertarikh 16 Mac 2008. Perjawatan ini adalah meliputi perjawatan di Ibu Pejabat dan sepuluh pejabat negeri, iaitu di Pulau Pinang/Kedah/Perlis, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Melaka/Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu/Kelantan, Sarawak dan Sabah.

Human Capital Management and Development

The most valuable asset of an organisation is its people. A productive, knowledgeable, capable and competitive work force is needed to ensure that PCB continues to remain relevant in providing reliable, timely and professional services. Therefore, PCB continuously strives to develop its human capital that is knowledgeable, confident, competent, high integrity, disciplined, dynamic, innovative, creative and determined. In accordance with current challenges, the management of PCB is confident that the planning and development of human capital will create a systematic and well-trained labour force which will determine its future direction. Thus, the management always give great emphasis in planning, developing and managing the human capital in PCB.

Establishment

Based on the Establishment Warrant No. A 23 dated March 16, 2008, PCB has a total of 249 posts. This includes staffing at the Headquarters and ten state offices in Penang/Kedah/Perlis, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Melaka/Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu/Kelantan, Sarawak and Sabah.

116 | KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES

Majlis Bersama Jabatan

BPA telah menubuhkan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1992, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002 dan Arahan Pentadbiran Pejabat Ketua Pengarah BPA Bil. 3 Tahun 2008. Sepanjang tahun 2009, BPA telah mengadakan 4 kali mesyuarat MBJ yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah BPA, iaitu pada 2 Mac, 25 Jun, 9 September dan 9 Disember 2009, untuk membincang dan menyelesaikan bersama pelbagai isu yang ada hubung kait dengan perjalanan organisasi.



Department Joint Council

PCB has established a Department Joint Council (MBJ) based on Service Circular No. 2 of 1992, Service Circular Letter No. 3 of 2002 and Administrative Instruction from the Office of the Director-General of PCB No. 3 of 2008. In 2009, PCB conducted four meetings which were chaired by the Director-General of the PCB, i.e. on 2 March, 25 June, 9 September and 9 December 2009, to discuss and resolve issues pertaining to the administration of the organisation.





Pembangunan Modal Insan

Falsafah “*Pembelajaran Sepanjang Hayat*” menjadi inspirasi kepada BPA dalam merencanakan pelan pembangunan latihan kepada warganya. Pembelajaran mempunyai kaitan dengan pencarian dan penggunaan ilmu pengetahuan bagi menjayakan segala usaha dalam kehidupan termasuklah menempa kejayaan bagi sesebuah organisasi. Tuntutan mencari ilmu dan usaha pembelajaran secara istiqamah, konsisten dan tekun sememangnya dituntut oleh segenap lapisan masyarakat sama ada dari aspek budaya mahupun ajaran agama.

Bagi memastikan BPA kekal relevan, mampu menghasilkan nilai tambah dan sentiasa memberikan kelainan, maka penguasaan ilmu adalah jaminan yang paling diperlukan. Melalui penguasaan ilmu dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan teras utama, BPA akan sentiasa bersedia dan mampu untuk menangani cabaran dan harapan yang disandarkan oleh pelanggan dan stakeholders.

Human Capital Development

The philosophy of “Lifelong Learning” inspired PCB to formulate a training development plan for its staff. Learning is associated with seeking and applying knowledge to achieve success in life and organisational success. The need to learn and seek knowledge persistently, consistently and diligently is considered important for all people whether from the cultural or religious viewpoints.

To ensure that PCB remains relevant, value-add and makes a difference, attaining a mastery of knowledge is crucial. Through the acquisition of knowledge related to its core business, PCB is ready to face the challenges and expectations of its customers and stakeholders.


Dasar Latihan

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 telah menetapkan di mana setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan pembelajaran berterusan dan pembangunan kompetensi organisasi di semua peringkat. Oleh itu, semua anggota perkhidmatan awam adalah dikehendaki mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun. Pada tahun 2009, seramai 199 (96.0%) warga BPA telah mencapai kehadiran kursus tujuh hari atau lebih.

Training Policy

The Service Circular No. 6 of 2005 stipulated that each civil servant must equip themselves with the appropriate knowledge, skills and attitude through planned human resource development programmes based on organisational competency development and continuous learning at all levels. Therefore, all civil servants are required to attend at least seven days of training a year. In 2009, a total of 199 (96.0%) PCB personnel attended training of seven days or more.

Pencapaian Kehadiran Kursus Warga BPA Bagi Tahun 2009
Achievement in Attendance of Training for PCB Personnel in Year 2009



Kursus-kursus Yang Dihadiri Warga BPA Dalam Tahun 2009

Courses Attended by PCB Personnel in 2009

Kursus Pemupukan
Budaya Kerja
Cemerlang

Penganjuran kursus ini adalah memfokuskan kepada warga kerja di peringkat Kumpulan Sokongan II, iaitu di kalangan Pembantu Am Pejabat, Jurutaip dan Pemandu Kenderaan. Kursus ini telah diadakan di Hotel Empress, Sepang dengan penglibatan seramai 27 orang warga kerja dari seluruh pejabat negeri dan Ibu Pejabat BPA. Melalui kursus ini, peserta didedahkan dengan perkara-perkara berikut:

- Memahami prinsip dan asas kepada kecemerlangan diri dalam kehidupan dan pekerjaan;
- Mengamalkan sikap dan cara kerja positif;
- Mempunyai semangat bekerja secara berpasukan;
- Menambah baik keberkesanan organisasi dalam proses pelaksanaan ke arah kecemerlangan; dan
- Menyedari kepentingan perkhidmatan dan kerja yang lebih cemerlang demi kejayaan individu dan organisasi.

*Nurturing Excellent
Working Culture Course*

The focus of the course was employees at the Support Group II, namely the General Office Assistant, Typists and Drivers. The course was held at the Empress Hotel, Sepang with the participation of 27 staff from all state offices and PCB Headquarters. Through this course, participants were exposed to the following matters:

- *Understanding the principles and foundation of excellence in life and work;*
- *Adopting a positive attitude and way of working;*
- *Possessing team spirit;*
- *Improving organisational effectiveness in the implementation process to achieve excellence; and*
- *Recognising the importance of service and work excellence for individual and organisational success.*





Kursus-kursus Yang Dihadiri Warga BPA Dalam Tahun 2009

Courses Attended by PCB Personnel in 2009

Kursus Pengurusan Stress dan Penyelesaian Konflik

Kursus ini telah dijalankan di Bilik Serbaguna 2, Blok B1, Kompleks JPM pada 11 hingga 12 Mei 2009. Tenaga penceramah bagi kursus ini terdiri daripada syarikat HPI Consultants Sdn. Bhd. yang berpengalaman dalam memberi khidmat perundingan kepada jabatan kerajaan. Seramai 35 orang pelbagai peringkat warga kerja BPA telah menghadiri kursus ini. Tumpuan utama kursus tersebut adalah menambahkan pengetahuan peserta untuk mengurus tekanan (stress) dengan berkesan melalui pemantapan nilai-nilai kepimpinan diri; meningkatkan kemahiran peserta untuk mengesan, mengawal dan mengatasi tekanan serta meningkatkan motivasi kerja; mewujudkan persekitaran yang lebih positif di tempat kerja dan mengatasi tekanan dalam perhubungan dengan rakan sekerja melalui kemahiran komunikasi yang tinggi dan memantapkan kualiti kepimpinan diri serta kemahiran memimpin pasukan.

Stress Management and Conflict Resolution Course

This course was held in the Multipurpose Room 2, Block B1, PMD Complex from 11 to 12 May 2009. Speakers for this course were from HPI Consultants Sdn. Bhd., a company experienced in providing consultancy services to government departments. A total of 35 participants consisting of staff at all levels of PCB, including state officers participated in this course. The main focus of the course was on enhancing participants' knowledge in managing stress more effectively by strengthening personal leadership values; enhancing participants' skills in detecting, controlling and overcoming internal pressure and increasing the motivation of work; creating a positive work environment and overcoming stress of relationships with colleagues through good communication skills and enhancing personal leadership qualities as well as team leadership skills.

Kursus-kursus Yang Dihadiri Warga BPA Dalam Tahun 2009

Courses Attended by PCB Personnel in 2009

Bengkel Pengurusan
Aduan Melibatkan
Pihak Berkuasa
Tempatan

Bengkel ini telah diadakan pada 3 hingga 5 Mei 2009 di Hotel Empress, Sepang. Penganjuran bengkel ini telah mendapat kerjasama daripada Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan (ILPBT) Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Seramai 31 orang peserta daripada seluruh pejabat negeri BPA termasuk Ibu Pejabat telah mengikuti bengkel ini. Antara objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi pemahaman sepenuhnya kepada peserta mengenai fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); penambahbaikan dalam menyelesaikan pengurusan aduan yang melibatkan PBT serta mewujudkan resolusi dan cadangan penambahbaikan sistem atau tatacara pengurusan aduan melibatkan PBT.

*Complaints Management
Workshop Involving
Local Authorities*

The workshop was held on 3 to 5 May 2009 at Hotel Empress, Sepang. The workshop was organised in collaboration with the Selangor State Local Authority Training Institute (ILPBT), Kajang Municipal Council and Subang Jaya Municipal Council. A total of 31 participants from all PCB state offices and the Headquarters attended the workshop. Among the main objectives of the workshop were to provide the participants a complete understanding regarding the functions of Local Authorities; to improve complaints resolution involving Local Authorities as well as to propose resolutions and suggestions for improving complaints management systems or procedures involving Local Authorities.

Kursus-kursus Yang Dihadiri Warga BPA Dalam Tahun 2009

Courses Attended by PCB Personnel in 2009

Kursus Pemandu
Cemerlang

Kursus ini diadakan bersempena dengan *Management Retreat* BPA yang telah diadakan di Hotel Emperor, Melaka pada 13 hingga 15 November 2009. Seramai 12 orang pemandu dari semua pejabat negeri termasuk pemandu dari Ibu Pejabat telah mengikuti kursus ini. Kursus ini turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Melaka dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Melaka yang telah menyediakan tenaga penceramah selain membuat sesi amali untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran memandu peserta.

Excellent Driver Course

This course was held in conjunction with PCB Management Retreat at the Emperor Hotel, Melaka from 13 to 15 November 2009. A total of 12 drivers from all state offices and the Headquarters attended the course. This course was organised with the cooperation of the Melaka State Road Transport Department and the Department of Road Safety (JKJR) Melaka which provided the resource persons and conducted practical sessions to enhance the driving skills and knowledge of the participants.

Kursus-kursus Yang Dihadiri Warga BPA Dalam Tahun 2009
Courses Attended by PCB Personnel in 2009

**Kursus Akauntabiliti
Pengurusan Kewangan**

Kursus ini telah diadakan pada 6 hingga 8 Ogos 2009 di Everly Resort Hotel, Tanjung Kling, Melaka. Penyertaan bagi kursus ini adalah pada peringkat Pengurusan dan Profesional, khususnya yang menjalankan kerja-kerja pengurusan kewangan di pejabat. Kursus yang dihadiri oleh 24 orang pegawai BPA, termasuk sepuluh orang Pengarah Negeri, telah dikendalikan oleh tenaga pengajar daripada Jabatan Akauntan Negeri, Cawangan Negeri Melaka dan Institut Perakaunan Negara (IPN). Objektif kepada kursus ini adalah:

- Memahami dengan jelas tentang konsep akauntabiliti dan legaliti dalam pengurusan kewangan;
- Mendapat pendedahan dan pandangan secara jelas tentang tatacara dan amalan terbaik pengurusan kewangan di dalam sesebuah organisasi; dan
- Memahami dan cuba mengatasi isu dan masalah pengurusan kewangan semasa.

*Finance Management
Accountability Course*

The course was held from 6 to 8 August 2009 at Everly Resort Hotel, Tanjung Kling, Melaka. Participants of this course were officers from the Management and Professional group, particularly those who were directly involved in financial management of the office. The course was attended by 24 officers, including ten State Directors. The course was conducted by resource persons from the Accountant General's Office, Melaka State Branch and the National Accounting Institute (IPN). The objectives of this course were:

- *Understanding the concepts of accountability and legality in financial management;*
- *Gaining wider exposure on procedures and best practices in organisational financial management; and*
- *Understanding and overcoming current issues and problems in financial management.*



Inovasi Teknologi Maklumat

Kepesatan pembangunan teknologi maklumat telah turut menyumbang kepada peningkatan keberkesanan pengurusan aduan awam amnya dan BPA khususnya. Atas kesedaran itu, BPA telah membangunkan Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (i-SPAAA). Matlamat utamanya ialah untuk membantu agensi-agensi awam yang belum memiliki sistem pengurusan aduan secara *online*.

Selaras dengan itu, BPA telah mengadakan program latihan kepada wakil-wakil kementerian dan agensi-agensi serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Perak dalam memberi kefahaman dan penggunaan i-SPAAA secara holistik. Dalam tahun 2009, sebanyak 18 taklimat dan 16 latihan yang membabitkan seramai 733 penjawat awam daripada pelbagai peringkat. Di samping itu, BPA juga mengadakan latihan khusus untuk para anggota yang baru. Sebanyak tujuh latihan diadakan yang disertai 56 anggota.



Information Technology Innovation

Rapid advancements in the innovation of information technology also contributed towards enhancing the effectiveness in the management of public complaints in general and PCB in particular. Recognising this development, PCB developed the Integrated Public Agency Complaints Monitoring System (i-SPAAA). The main purpose is to assist those public agencies which do not have their own online complaints management system.

In this regard, PCB conducted training programmes for representatives of ministries and their agencies as well as the Office of the Kedah State Secretary and the Office of the Perak State Secretary which focused on the holistic understanding and utilisation of i-SPAAA. In 2009, a total of 18 briefing sessions and 16 training programmes were conducted, involving a total of 733 civil servants from the various levels. In addition, PCB also conducted training programmes for new officers and staff. A total of seven training sessions were conducted involving 56 personnel.

124 | KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES

Penambahbaikan Laman Web

Dalam pengurusan aduan awam secara berkesan, aspek komunikasi dengan pelanggan juga merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Dalam konteks ini, untuk mempertingkatkan dan memperluaskan penyampaian maklumat kepada rakyat, ruangan-ruangan baru seperti “Maklum Balas Media”, “Penyampaian Perkhidmatan Awam” dan “Kejayaan Penyelesaian Kes” telah diwujudkan dalam laman web BPA. Ruangan “Maklum Balas Media” adalah untuk muat naik jawapan daripada agensi-agensi kerajaan terhadap aduan atau isu yang dibangkitkan dalam media. Ruangan “Penyampaian Perkhidmatan Awam” adalah untuk artikel khas oleh Ketua Jabatan yang diterbitkan dalam media mengenai penyampaian perkhidmatan awam. Manakala ruangan “Kejayaan Penyelesaian Kes” mengetengahkan kejayaan dan penyelesaian kes-kes aduan yang dikendalikan oleh BPA untuk tatapan umum dan dikongsi dengan pelbagai pihak, termasuk rakyat jelata.



Improvement of Website

To manage public complaints effectively, communication is an important aspect that must be given due attention. In this context, to expand and enhance the dissemination of information to the public, BPA has included several new features in its website, namely “Feedback to Media”, “Public Service Delivery” and “Success Story”. To ensure wider coverage, all responses by government agencies on complaints and issues raised in the media are uploaded in the “Feedback to Media” section. Special articles written by Heads of Departments published in the media are uploaded in the section on “Public Service Delivery”. Meanwhile the “Success Story” section highlights numerous examples of complaints that were successfully resolved by PCB to be shared with the various parties and the public.



BPA Bersama Media

Sepanjang tahun 2009, BPA telah menjalankan pelbagai aktiviti promosi yang bertujuan untuk menghebahkan peranannya kepada orang ramai. Ketua Pengarah BPA telah bersiaran sebanyak dua kali dalam media elektronik, iaitu dalam rancangan “Selamat Pagi Malaysia” di siaran RTM1 dan wawancara bersama Radio 24 BERNAMA.

BPA juga menggunakan media cetak untuk tujuan promosi. Dalam hal ini artikel berkaitan BPA telah disiarkan sebanyak dua kali, masing-masing di akhbar Utusan Malaysia dan *The Star*.

PCB with the Media

During the year 2009, PCB undertook several promotional activities to publicise its role to the public. The Director-General of PCB went on air twice in the electronic media through the “Selamat Pagi Malaysia” programme on RTM1 and the interview session with Radio 24 BERNAMA.

PCB also made use of the printed media for promotional purposes. In this regard, PCB has published two articles in Utusan Malaysia and The Star newspaper respectively.



“Kemajuan tidak dapat dicapai tanpa perubahan. Maka, mereka yang tidak dapat mengubah minda sendiri tidak akan dapat membuat apa-apa perubahan”

“Progress is impossible without change. Therefore those who cannot change their minds cannot change anything”

George Bernard Shaw

A photograph of a row of white classical columns, likely part of a government or institutional building. The columns are in the foreground, and a multi-story building with windows is visible in the background. The image has a light blue tint.

BPA dari Jendela Akhbar ***PCB in the News***

Imbasan *Retrospective*

Perhimpunan Bulanan
Monthly Assembly

Lawatan
Visits

Peristiwa Penting
Key Events

PUSPANITA Cawangan Kecil BPA
PUSPANITA PCB Sub-Branch



Kelab Sukan dan Kebajikan BPA
PCB Sports and Welfare Club

Statistik
Statistics

Maklumat Pejabat BPA
Information on PCB Offices



“Amanat Tahun Baru dan Penjenamaan Semula BPA” (14 Januari dan 3 Februari)
“New Year’s Message and Rebranding of PCB” (14 January and 3 February)



2 “Modal Insan Kunci Kecemerlangan Organisasi” (3 Mac)
“Human Capital is the Key to Organisational Success” (3 March)

3 “Pencarian Tanda Aras Kepimpinan” (1 April)
“Seeking the Leadership Benchmark” (1 April)

4 “Perkhidmatan Melangkaui Kebiasaan” (5 Mei)
“Service Beyond the Ordinary” (5 May)

5 “Paradigma Reformasi Sektor Awam” (2 Jun)
“The Paradigms of Public Sector Reform” (2 June)

6 “Muhasabah Diri Anggota Perkhidmatan Awam” (1 Julai)
“Self-Reflection of Civil Servant” (1 July)

7 “Balada Seorang Pesara” (5 Ogos)
“Ballad of a Pensioner” (5 August)

8 “Islam dan Perubahan Sikap” (2 September)
“Islam and Behavioural Change” (2 September)

9 “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan - Perspektif
BPA Johor” (10 Oktober)
“1 Malaysia: People First, Performance Now - PCB Johor’s Perspective”
(10 October)

10 “Tempat Kerja Bebas Dadah” (4 November)
“Drug-Free Workplace” (4 November)

11 “Program Bicara 45: Pelanggan Yang Agresif? Layani Mereka Secara
Efisien” (2 Disember)
“Discussion 45 Programme: Aggressive Customers? Handle Them
Efficiently” (2 December)



LAWATAN DELEGASI ANTARABANGSA/TEMPATAN
VISITS FROM INTERNATIONAL/LOCAL DELEGATIONS

1. 20 April - Lawatan dari Delegasi Bangladesh
20 April - Visit from Bangladesh Delegation
2. 26 April - Lawatan Kerja Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Dato' T. Murugiah Ke BPA
26 April - Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon's Working Visit to PCB
